



جابتن اكام إسلام ڦيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1 (92)

Tarikh: 6 Jamadilawal 1447
28 Oktober 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	31 Oktober 2025 / 9 Jamadilawal 1447
Tajuk	Memupuk Sahsiah Remaja

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MEMUPUK SAHSIAH REMAJA”

31 Oktober 2025 / 9 Jamadil Awal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keampunan Ilahi; dikurniai kebaikan dunia – kebaikan akhirat. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“MEMUPUK SAHSIAH REMAJA”

Firman Allah SWT:

﴿يَبْنِيْ اِقِمِ الصَّلَاةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰى مَا اَصَابَكَ اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْاُمُوْر ۝۱۷﴾

Bermaksud: “Wahai anak kesayangan ku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat yang makruf dan cegahlah (mereka) daripada yang mungkar dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpa mu. Sesungguhnya, perkara itu merupakan urusan yang perlu diambil berat dengan penuh keazaman.”

(Surah Luqman ayat 17)

Remaja merujuk kepada golongan berusia antara 13 hingga 19 tahun; fasa usia peralihan antara zaman kanak-kanak menuju dewasa. Lazimnya dalam lingkungan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



usia tersebut, remaja mengalami perubahan fizikal, emosi, kecenderungan dan minat kepada sesuatu yang baharu serta daya berfikir yang berkembang aktif. Oleh itu, remaja perlu dipupuk dan dibina sahsiah terpuji agar negara memiliki barisan bakal pemimpin yang berilmu dan beriman, serta ikhlas, jujur, amanah dan bertanggungjawab.

Menginjak usia remaja, perkembangan hormon membuatkan berlaku perubahan watak dan sifat seperti perasaan ingin mencuba – ingin tahu, mencari identiti diri, mengalami lonjakan keinginan nafsu seksual, juga perasaan ingin bercinta, dan kadang kala sifat memberontak kerana mahukan kebebasan sehingga terlajak melakukan perbuatan yang bercanggah dengan adat dan adab serta nilai manusiawi.

Pelbagai isu keruntuhan akhlak remaja hari ini menandakan sedang berlaku krisis kemerosotan nilai seperti ponteng sekolah, lumba haram, buli, merokok dan menghisap vape, penyalahgunaan dadah, melayari kandungan lucah, pergaulan bebas, rogol, dan sebagainya. Remaja yang terbiar tanpa sentuhan kasih sayang serta didikan, asuhan dan bimbingan yang memupuk peribadi mereka dengan nilai-nilai Islam; dibimbangi hidupnya tidak bersandarkan ilmu, hilang arah dan tersalah haluan. Dibimbangi mereka tersalah memilih rakan, terjebak dengan salah laku, rosak rohaninya dan bergelora emosinya kerana dihanyutkan dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan syarak, adat dan adab. Akibatnya negara akan mewarisi generasi yang lemah jiwa, tenaga kerja yang tidak berintegriti dan bakal pemimpin yang berakhlak rosak.

Jemaah yang dimuliakan

Ayat 17 surah Luqman yang khatib bacakan pada awal khutbah mengisahkan prinsip pendidikan anak yang diamalkan oleh seorang ayah bernama Luqman al-Hakim; yang menekankan tiga asas utama iaitu pendidikan akidah, ibadah dan adab. Luqman al-Hakim menyemai akidah yang kukuh kepada anaknya dengan penegasan untuk mendirikan solat, disusuli pembinaan sahsiah dengan mengajar untuk sentiasa berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran, dan bersifat sabar menghadapi apa jua bencana. Dalam ayat 16 surah Luqman, diingatkan bahawa

setiap perbuatan sama ada baik atau buruk walau sebesar biji sawi, tetap akan dihitung dan diadili oleh Allah SWT pada hari akhirat.

Didikan menyemai akidah, ibadah dan adab merupakan asas untuk membantu membentuk anak soleh yang bertakwa, tersemai tauhid yang teguh, patuh kepada Allah SWT, memiliki jati diri yang murni, gemar melakukan kebaikan, gusar mendekati yang syubhah serta takut mendekati yang haram. Ibu bapa berperanan sangat penting menjadikan diri sebagai contoh teladan, mendidik, membimbing dan mencorakkan nilai, pemikiran, sifat dan watak anak-anak selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوْلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Bermaksud: Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih) lalu kedua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani dan Majusi.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi

Remaja kini menghadapi pelbagai ujian yang sangat mencabar. Internet, media sosial, aplikasi mudah alih, budaya *hedonisme* (hiburan) melampau serta pengaruh rakan sebaya menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai maklumat – pelbagai anasir yang merosakkan. Masa hadapan mereka bergantung pada acuan yang kita sediakan.

Sahsiah remaja merupakan penanda aras kemajuan sesebuah negara. Masalah moral remaja wajib diberikan perhatian. Harus diinsafi dan dimuhasabah, kelompangan-kelompangan yang ketara dalam cara kita mendidik. Perlunya ada kaedah pendidikan yang saling menyokong dan saling membimbing sebagai satu masyarakat yang bertanggungjawab membentuk generasi akan datang. Ibu bapa, keluarga, institusi pendidikan, para agamawan, masjid dan badan bukan kerajaan masing-masing berperanan untuk memupuk sahsiah remaja demi kebaikan agama, bangsa dan negara.

Jemaah Rahimakumullah,

Dalam hasrat dan usaha memupuk sahsiah remaja menjadi permata berharga, mimbar menyampaikan nasihat berikut:

Pertama: Para remaja, berazamalah untuk menjadi pelapis negara yang berharga. Tingkatkan ilmu dan kemahiran, amalkan akhlak mulia dan jalani kehidupan dengan niat beribadah kerana Allah; sesungguhnya antara tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT pada hari akhirat, adalah anak muda yang hidupnya beribadah kepada Allah SWT.

Kedua: Keluarga menerapkan akidah yang kukuh kepada anak-anak. Membudayakan amalan kerohanian di rumah seperti solat berjemaah, bertadarus dan bertadabur al-Quran. Akidah yang kukuh kepada Allah SWT mengupayakan anak-anak menjalani kehidupan yang diredhai Ilahi, di samping menjauhi kehidupan yang merosakkan.

Ketiga: Institusi pendidikan mengolah pendekatan berkesan yang dapat menyemai sifat-sifat jujur, ikhlas, sopan dan amanah; serta berdisiplin, menghormati guru dan orang tua, menepati masa dan memenuhi janji, berjimat cermat, tidak membazir, tidak membuang masa, cintakan ilmu – cintakan kebaikan.

Keempat: Mendampingi remaja dengan belaian kasih sayang, menegur secara berhikmah, membentuk dengan harapan, membimbing dengan panduan, menyelami dengan perbincangan, marah yang tidak menghina – tegur yang tidak mengaibkan. Pendekatan kasih sayang amat mempengaruhi sokongan psikologi dan perkembangan emosi anak-anak, membuatkan mereka merasa diri dihargai dan memiliki sifat lebih berkeyakinan.

Kelima: Ibu bapa dan penjaga memantau penggunaan telefon anak-anak, memberi bimbingan dan menyusun langkah penjagaan untuk melindungi mereka daripada dipengaruhi oleh bahan maklumat yang tidak sesuai dengan peringkat umur mereka.

Keenam: Memberi dorongan kepada remaja untuk melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan dan kegiatan-kegiatan yang membina keyakinan diri, meningkatkan keilmuan dan kemahiran agar mereka menjadi khazanah yang berharga kepada negara.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
خَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتَّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّزْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! bimbing para remaja kami cara hidup yang diredhai oleh Mu. Kurniai remaja kami kebijaksanaan, ketakwaan dan hati yang murni, bersifat ikhlas, jujur dan amanah, agar mereka dapat memberi manfaat kepada agama, masyarakat dan negara.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.